

DB78

U B137 AAB
MAHATHIR - KAUM

KUALA LUMPUR, 17 SEPT (BERNAMA) -- SIKAP LIBERAL KERAJAAN MEMBERI KEBEBASAN HAK YANG SAMA KEPADA SEMUA KAUM MENGAMALKAN KEBUDAYAAN DAN PENGGUNAAN BAHASA MASING-MASING, TIDAK DAPAT DITANDINGI OLEH KEBANYAKAN NEGARA LAIN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, NEGARA BARAT YANG MENGAKUI DIRI MEREKA LIBERAL TERNYATA TIDAK MEMBERI TEMPAT KEPADA KEWUJUDAN BUDAYA DAN BAHASA BANGSA LAIN KECUALI HAK MEREKA SENDIRI.

+KERANA ITU GENERASI MUDA YANG LAHIR DARI RAKYAT MALAYSIA YANG BERHIJRAH KE AUSTRALIA, MISALNYA, KINI KEHILANGAN IDENTITI ASAL MEREKA KERANA TELAH MENGGUNAKAN BAHASA DAN MENGAMALKAN BUDAYA TEMPATAN,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG PERSEKUTUAN PERSATUAN HOKKIEN MALAYSIA DI SINI.

BELIAU BERKATA MALAYSIA TIDAK MENGAMALKAN SIKAP SEPERTI SESETENGAH NEGARA LAIN YANG MENGHALAU KELUAR KAUM YANG TIDAK DISUKAI MEREKA, MENEMBAK SESIAPA SAHAJA YANG DIANGGAP PENGHALANG DAN TIDAK BERLAKU ADIL KEPADA KUMPULAN YANG DIANGGAP ORANG LUAR.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SIKAP LIBERAL KERAJAAN ITU BERTUJUAN MENGEKALKAN KEAMANAN DALAM NEGARA YANG KEMAKMURAN ITU MENJADI ASAS KEPADA KEMAJUANNYA.

HASILNYA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA SEMAKIN BAIK DAN DIAKUI OLEH DUNIA LUAR YANG +KITA BERJAYA DI MANA ORANG LAIN TELAH GAGAL,+ KATANYA. -- LAGI.

1328MST 17 09 90

U B138 AAB
MAHATHIR - KAUM 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN KEMBALI KEPADA PERISTIWA PADA TAHUN 1987 APABILA KETEGANGAN MULA TIMBUL BERPUNCA DARIPADA MASALAH YANG MELIBATKAN KAUM DAN BERTAMBAH MERUNCING LAGI APABILA BERLAKU KEJADIAN SEORANG ASKAR MENEMBAK ORANG AWAM DI BANDARAYA.

KATANYA, PERASAAN TAKUT DI KALANGAN MASYARAKAT KERANA BIMBANGKAN BERLAKUNYA RUSUHAN ITU, MENGAKIBATKAN SUASANA LENGANG DAN AKTIVITI HARIAN TERHALANG.

PERISTIWA SEPERTI ITU SUDAH TENTU MEMBERI KESAN NEGATIF TERHADAP PROGRAM PEMBANGUNAN NEGARA KERANA MASING-MASING KAUM MERASA CURIGA ANTARA SATU SAMA LAIN, TAMBAH BELIAU LAGI.

+SUASANA AMAN HARI INI HARUS DIKEKALKAN DI MANA MASING-MASING TIDAK TAKUT UNTUK BERGERAK DARI SATU TEMPAT KE TEMPAT LAIN -- ORANG CINA TIDAK BIMBANG UNTUK MASUK KE KAMPUNG MELAYU DAN ORANG MELAYU PULA TIDAK GENTAR MELINTASI PEKAN YANG DIPENUHI KAUM CINA+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEADAAN TENTERAM SEPERTI INI SUKAR DIDAPATI DI NEGARA LAIN YANG MEMPUYAI KUMPULAN MASYARAKAT PELBAGAI PUAH DAN TERPAKSA MENGHADAPI PERANG SAUDARA ATAU RUSUHAN KAUM.

KRISIS BERTERUSAN SEPERTI ITU MENGAKIBATKAN NEGARA-NEGARA BERKENAAN SENTIASA DALAM KEADAAN MUNDUR, KATANYA. -- LAGI.

1330MST 17 09 90

U B139 AAB
MAHATHIR - KAUM 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMINTA SEMUA KAUM FAHAM AKAN DASAR KERAJAAN YANG MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI SECARA BEBAS TETAPI DALAM MASA YANG SAMA MEMASTIKAN TIADA KAUM YANG KETINGGALAN DALAM PEMBAHAGIAN KEKAYAAN YANG DINIKMATI.

KATANYA, TIADA NEGARA YANG DAPAT MELAKSANAKAN DUA PERKARA YANG BERTENTANGAN INI, IAITU PEMBAHAGIAN EKONOMI YANG ADIL TANPA MENGHALANG PERTUMBUHANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN SEMUA KAUM SUPAYA TERUS MENGAMALKAN SIKAP TOLAK ANSUR DAN BERTIMBANG RASA ANTARA SATU SAMA LAIN BAGI MENGEKALKAN KEMAKMURAN SEKARANG.

KATANYA, KERAJAAN YAKIN DASAR KERAJAAN TELAH DILAKSANAKAN SECARA ADIL BERDASARKAN SAMBUTAN SETIAP KAUM SETAKAT INI.

+JIKA SEMUA KAUM MEMPUNYAI RUNGUTAN MASING-MASING, BUKTINYA KEADILAN ITU WUJUD DAN KERAJAAN MELAKSANAKAN DASAR YANG BETUL, KERANA TIADA KAUM YANG DAPAT LEBIH DARIPADA YANG LAIN,+ KATANYA. --
BERNAMA.

1332MST 17 09 90